

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dilaksanakan secara kajian kes di Islamic Bank Of Thailand (ISBT), Ibu Pejabat, daerah Wattana, Bangkok Thailand. Dengan bertujuan untuk melihat pelaksanaan instrumen pelaburan Islam serta menganalisis prestasi, kesan dan masalah dalam pelaksanaannya. Bab pertama akan memaparkan konsep pelaburan dalam sistem konvensional dan sistem ekonomi Islam. Bab kedua akan tertumpu kepada Islamic Bank Of Thailand (ISBT) di mana akan mengandungi sejarah pergerakan ke arah penubuhan institusi kewangan Islam di Thailand, situasi ekonomi masyarakat Islam di Thailand sampailah kewujudan Islamic Bank Of Thailand (ISBT). Bab ketiga akan tertumpu kepada aplikasi prinsip syarī‘ah sebagai instrumen pelaburan Islam di Islamic Bank Of Thailand (ISBT). Akhir sekali, menganalisis pelaksanaan instrumen pelaburan Islam serta prestasi, kesan dan masalah dalam pelaksanaannya secara keseluruhan. Maklumat dan data telah dikumpul menerusi metodologi perpustakaan dan lapangan dengan menggunakan dokumentasi, temubual dan juga melayari internet. Maklumat dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode deduktif, komparatif dan metode induktif. Antara hasil dari kajian ini ialah secara keseluruhan walau baru beberapa tahun beroperasi tetapi dari prestasi hasil pelaksanaan produk pelaburan Islam iaitu *wadi‘āh*, *musyārakah*, *muḍārabah*, *murābahah*, *bay‘ bithaman ‘ājil*, *bay‘ al-ināh*, *bay‘ al-dayn*, *wakālah* dan *kafālah* mendapati Islamic Bank Of Thailand (ISBT) mampu memenuhi dan menjadi alternatif kepada sistem berdasarkan *ribā* di negara Thailand serta menepati konsep yang digaris dan memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak di bawah jagaan dan kawalan ketat Lembaga Penasihat Agama-nya.